

20/11/1997

Semakin ramai pemimpin nyatakan sokongan

KUALA LUMPUR, Rabu - Semakin banyak pertubuhan dan pemimpin menyatakan sokongan padu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menerima desakan meletak jawatan sebagai Perdana Menteri daripada 34 anggota Kongres Amerika Syarikat.

Sambil menyatakan mereka berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan negara, pertubuhan itu mengutuk sekeras-kerasnya terhadap campur tangan luar dalam urusan perjalanan pentadbiran negara.

Di ALOR STAR, Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata perjuangan dan jasa Perdana Menteri yang ditaburkan selama ini bukan kecil dan perlu disokong sepenuhnya.

Sokongan itu membabitkan kerajaan dan rakyat berbilang kaum yang mahu Perdana Menteri terus menerajui kepimpinan negara dan memakmurkan rakyat.

Di PULAU PINANG, Pengerusi Penerangan Pergerakan Wanita Umno negeri, Rokiah Bee Hassan, berkata mereka tetap berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dan menyokong sebarang tindakan kerajaan berhubung perkara itu.

Rokiah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Tasek Gelugor, berkata semua pemimpin Umno tidak harus membiarkan Perdana Menteri menghadapi dan mengatasi masalah itu secara perseorangan, malah rakyat perlu menunjukkan sikap menentang sebarang tindakan negara luar.

"Kita bertuah mendapat seorang pemimpin seperti Dr Mahathir" katanya.

Di KUCHING, Ketua Pemuda Pergerakan BN Sarawak, Datuk Celestine Ujang anak Jilan, ketika menyatakan sokongan terhadap Perdana Menteri menegaskan orang luar tidak berhak untuk berbuat demikian dalam menentukan kepimpinan negara ini.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Tanah negeri berkata, tindakan 34 anggota Kongres AS yang menyifatkan Perdana Menteri sebagai anti Yahudi tidak perlu dilayan.

Naib Presiden PBB, Datuk Abang Johari Abang Openg, berkata rakyat Sarawak tidak berganjak dalam memberi sokongan jitu kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Datuk Dr George Chan Hong Nam, berkata partinya mengecam langkah Kongres yang bertindak mencampuri urusan pentadbiran negara ini.

Di KOTA BHARU, BN Kelantan menyatakan sokongan padu terhadap pucuk pimpinan negara menghadapi sebarang ancaman luar yang boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat, kestabilan politik dan ekonomi negara.

Setiausaha BN Kelantan, Datuk Mohd Ariffin Abdul Hamid, berkata ketegasan pucuk pemimpin negara menghadapi masalah ini jelas membuktikan Malaysia tidak boleh dengan mudah dijadikan 'pak turut' kepada kehendak kuasa besar.

Di SEREMBAN, Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan mengutuk dan meminta anggota Kongres Amerika tidak perlu campur tangan dalam hal ehwal negara ini serta mengajar rakyat Malaysia untuk mencari pemimpin baru.

"Kita sudah merdeka 40 tahun dan beberapa kali mengadakan pilihan raya serta tahu memilih pemimpin yang mana sesuai untuk rakyat Malaysia," kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang juga Menteri Besar.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin akan membentangkan usul sokongan terhadap kepimpinan Dr Mahathir dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka selama empat hari mulai 25 November ini.

Pengerusi Pemuda BN Melaka, Nazari Adzim, berkata mereka yakin

kepemimpinan sekarang berjaya mengekalkan kestabilan politik bagi negara masyarakat majmuk serta melaksanakan pelbagai pembangunan.

Di KUALA LUMPUR, beberapa persatuan seperti Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM), Persatuan Usahawan Melayu Bandar Tun Razak, Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) dan Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Penulis Lagu Tanah Air (Papita) turut menyatakan sokongan kepada kerajaan.

(END)